



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 4 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA WUJUDKAN 30 LAGI PUSAT JUAL BARANGAN SEGAR, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	97 PASAR SEGAR TERKAWAL BEROPERASI SEHINGGAN 14 APRIL, BERNAMA -ONLINE	
3.	97 LOKASI PST DIBUKA SELURUH NEGARA, SH -ONLINE	
4.	97 PASAR SEGAR TERKAWAL SELURUH NEGARA SEPANJANG PKP, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE	
5.	97 LOKASI 'PASAR SEGARA TERKAWAL', NASIONAL, BH -12	
6.	97 LOKASI PASAR SEGAR DI MALAYSIA, NASIONAL, SH -14	
7.	97 PASAR SEGAR TERKAWAL BEROPERASI SEHINGGA 14 APRIL, NEWS, EDISI VIRAL -10	
8.	ENSURE SUFFICIENT OF FRESH FOOD, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10	
9.	ENSURE SUFFICIENT SUPPLY WITH CONTROLLED FRESH MARKET OUTLETS IN 47 LOCATIONS ACROSS COUNTRY, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY NEWS -4	
10.	AHMAD HAMZAH: DO NOT PANIC AS FOOD SUPPLIES SUFFICIENT, NATION, CHINA PRESS -A10	
11.	PEMBORONG BIMBANG HARGA BERAS IMPORT NAIK, MALAYSIA KINI -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
12.	KEMBONG THRIVING UP NORTH, NEWS, THE STAR (METRO SOUTH AND EAST) -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

FAMA wujudkan 30 lagi pusat jual barangan segar



Ahmad (dua dari kiri) melihat barangan basah di pusat jualan barangan segar terkawal di Pejabat FAMA Melaka di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh hari ini.

MELAKA TENGAH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mewujudkan 30 lagi lokasi pusat jualan barangan segar terkawal secara berperingkat di seluruh negara dalam masa terdekat. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, setakat ini sebanyak 47 pusat jualan itu dibuka di beberapa negeri bagi mengurangkan kesesakan di pasar basah sedia ada sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Lebih penting urusan jual beli dapat dilakukan dengan lebih sistematik bagi menangani rantaian wabak Koronavirus (Covid-19) termasuk mengikut sistem giliran, jarak sosial, saringan suhu badan, penggunaan cecair pembasmi kuman selain setiap gerai dijarakkan 3 meter.

"Setakat ini kita menggerakkan 47 pasar segar terkawal di seluruh negara termasuk Melaka dan kita harap masyarakat jangan berpusu-pusu (membeli barang) kerana barangan makanan memang mencukupi," katanya.



Ahmad (tengah) ketika ditemui media.

Beliau berkata demikian kepada media ketika turun padang di Pasar Segar Terkawal di Pejabat FAMA Negeri di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli; Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani, Datuk Norhizam Hassan Baktee; Pengarah FAMA negeri, Che Samudin Hassan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Shahdan Othman.

Menurutnya, ia salah satu usaha kerajaan membantu rakyat mendapatkan barang makanan segar dan keperluan yang berkualiti dengan harga berpatutan. "Kita jua mahu hasil pertanian, penternak nelayan dapat dipasarkan. Kita nak rangkaian pemasaran tidak ada gangguan," katanya.

Katanya, setakat ini juga tidak berlaku sebarang lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan malah pihaknya berusaha memasarkan segala hasil pihak berkenaan menerusi medium pasar tersebut dan pusat jualan sedia ada. "Jualan sedia ada seperti pasar tani terpilih, pasar tani kekal, pusat operasi FAMA, MyFAMA Outlet serta Kompleks Peladang kawasan.

"Kita nak pastikan apa jua produk pengeluaran mereka dapat dipasarkan segera, rangkaian pemasaran tidak terganggu dan berjalan seperti biasa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2020	BERNAMA	ONLINE	

97 PASAR SEGAR TERKAWAL BEROPERASI SEHINGGA 14 APRIL



KUALA LUMPUR, 3 April -- Sebanyak 97 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) akan beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepat pengedaran makanan negara. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan memaklumkan, PST adalah gerai peruncitan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), seperti pasar tani yang dijenamakan semula.

Jelasnya ia melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit, dan barangan asas tani.

"Untuk fasa pertama pelaksanaan PST, sebanyak 37 'outlet' FAMA di seluruh Malaysia telah beroperasi sejak 1 April iaitu 17 buah Pusat Operasi FAMA, 17 buah Pasar Tani Kekal dan tiga buah MyFarm Outlet," katanya.

Selain itu katanya, sebanyak 17 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan yang diselia LPP turut beroperasi, membabitkan jumlah keseluruhan beroperasi sebanyak 54 buah.

"Untuk fasa kedua, sebanyak 10 pasar tani terpilih dan 16 Pasar Tani Kekal akan beroperasi. Pasar tani terpilih akan beroperasi sebanyak dua kali seminggu dari jam 8 atau 8.30 pagi hingga 11 pagi atau 12 tengah hari.

"Pasar Tani Kekal, MyFarm Outlet dan Pusat Operasi FAMA akan dibuka seawal 8 atau 8.30 pagi hingga 12 tengah hari atau 4 petang setiap hari," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut, jarak sosial di antara gerai-gerai akan dilakukan dan pintu masuk dan keluar akan dikawal selia oleh pihak berkuasa, bagi mencegah penularan COVID-19.

"Para pengguna juga dinasihatkan untuk membuat bayaran secara dalam talian dan tanpa tunai sama ada melalui pembayaran QR Pay dan E-wallet, supaya dapat membendung penularan wabak COVID-19 melalui wang kertas," katanya.

Jelasnya, setiap outlet pemasaran FAMA perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan, antaranya pengunjug beratur dengan jarak satu meter, melepasi saringan suhu serta menggunakan cecair pembasmi kuman disediakan.

Orang ramai juga digalakkan melayari portal Agrobazaar Online (www.agrobazaar.com.my) untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara pra-pesanan, dan membuat bayaran terus secara dalam talian bagi memudahkan urusan pengambilan di tempat pengambilan dan urusan pandu lalu di pusat pemasaran terpilih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

97 lokasi PST dibuka seluruh negara



Sebanyak 97 PST seluruh negara bagi tempoh PKP sehingga 14 April ini

SHAH ALAM - Sebanyak 97 lokasi pasar segar terkawal (PST) dibuka di seluruh Malaysia bermula semalam bagi memastikan kelangsungan bekalan dan percekapkan pengedaran bekalan makanan negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan berkata, konsep jualan dan pengedaran PST ini dibuat di outlet peruncitan terpilih secara berperingkat.

"Pengoperasian PST melibatkan 63 lokasi outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara iaitu 10 Pasar Tani Terpilih, 33 Pasar Tani Kekal, 17 Pusat Operasi FAMA dan tiga MyFarm

Outlet," kata kementerian itu.

Menurutnya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut menyediakan 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan sama.

"Keseluruhan 97 lokasi ini akan melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani. Kesemua outlet itu dinamakan semula sebagai PST

"Bagi fasa pertama pelaksanaan PST, sebanyak 37 outlet Fama di seluruh Malaysia dan 17 buah KPPK diselia LPP telah beroperasi sejak semalam bagi fasa kedua, sebanyak 10 Pasar Tani Terpilih dan 16 Pasar Tani Kekal akan beroperasi," katanya.

FAMA memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang berkesan sepanjang tempoh PKP dengan memperkemaskan lagi konsep jualan secara online iaitu Agrobazaar Online dan offline melalui rangkaian outlet pemasaran terpilih.

PASAR SEGAR TERKAWAL (PST)
DI 10 LOKASI PASAR TANI TERPILIH (2 KALI BEMINGGU)

No.	Negeri	Nama	Alamat	Masa Operasi	Tempoh Operasi	Tempoh Operasi
1	Perlis	Pasar Tani Terpadu Sungai	14000, A. Alor	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
2	Perlis	Pasar Terpadu Kemuning	14000, B. Alor	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
3	Pulau Pinang	Pasar Tani Bukit Pagar	11000, B. Bukit	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
4	Selangor	Pasar Tani Terpadu Shah Alam	40000, B. Shah	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
5	Selangor	Pasar Terpadu Seri	14000, B. Seri	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
6	Selangor	Pasar Terpadu Sungai Terap	14000, B. Terap	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
7	Kedah	Pasar Terpadu Sungai Terap	14000, B. Terap	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
8	Kedah	Pasar Terpadu Sungai Terap	14000, B. Terap	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
9	Selangor	Pasar Terpadu Sungai Terap	14000, B. Terap	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020
10	Selangor	Pasar Terpadu Sungai Terap	14000, B. Terap	8:00 am - 11:00 am	14 April 2020	14 April 2020

Waktu operasi PST di 10 lokasi Pasar Tani Terpilih

Katanya, para pelanggan digalakkan untuk melayari portal www.agrobazaar.com.my untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara pra-pesanan.

"Bayaran boleh dibuat terus secara online bagi memudahkan urusan pengambilan di pick-up point dan urusan pandu lalu (drive-thru) di outlet pemasaran terpilih.

"Ia bertujuan menjaga penjarakan sosial seperti dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi mencegah penularan wabak coronavirus (Covid-19).

"Dalam pematuhan pencegahan wabak Covid-19 di 97 lokasi ini, jarak sosial di antara gerai yang berniaga akan dilakukan, sementara pintu masuk dan keluar akan dikawal selia pihak berkuasa.

"Para pengguna juga dinasihatkan untuk membuat bayaran secara online dan tanpa tunai sama ada melalui pembayaran QR Pay dan e-wallet supaya dapat membendung penularan Covid-19 melalui wang kertas," katanya.

Selain itu, setiap outlet pemasaran FAMA perlu mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi pengunjung yang ingin mendapatkan bekalan makanan semasa tempoh PKP ini.

Menurut kenyataan itu lagi, antara SOP yang ditetapkan adalah pengunjung beratur dengan jarak 1 meter serta melepasi saringan suhu, menggunakan pembasmi kuman yang disediakan, masa dibenarkan selama 10 hingga 20 minit dan pengunjung perlu membasmi kuman sebelum keluar.

"Pengguna yang membuat pembelian secara pandu lalu di outlet ini perlu dipatuhi SOP iaitu menyerahkan borang tempahan kepada petugas dan menunggu di kawasan yang disediakan, petugas akan menghubungi pengguna bagi pengambilan dan bayaran terus dibuat semasa serahan barangan.

"Bagi pengguna yang membuat pra-pesanan melalui portal Agrobazaar Online atau media sosial, SOP yang perlu dipatuhi ialah pesanan akan dibuat melalui platform media sosial bermula jam 8 pagi hingga 4 petang.

"Penghantaran akan dibuat pada hari berikutnya melalui kaedah 'dropship' atau 'self pick up' dan bayaran akan dibuat dalam talian atau secara 'cash of delivery' (COD)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2020	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

97 pasar segar terkawal seluruh negara sepanjang PKP



• ^A Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan memaklumkan, PST adalah gerai peruncitan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), seperti pasar tani yang dijenamakan semula

SEBANYAK 97 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) akan beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepat pengedaran makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan memaklumkan, PST adalah gerai peruncitan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), seperti pasar tani yang dijenamakan semula.

Headline	97 lokasi 'Pasar Segar Terkawal'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	12	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,841



Penularan COVID-19

97 lokasi 'Pasar Segar Terkawal'

Konsep jualan, edaran di outlet peruncitan dilaksana berperingkat sepanjang PKP

Kuala Lumpur: Sebanyak 97 lokasi outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara akan beroperasi sebagai 'Pasar Segar Terkawal' (PST) bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercekalkan pengedaran makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menjelaskan konsep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih ini membolehkan penjualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas lain.

Katanya, ia dilaksanakan secara berperingkat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sejak 1 April lalu hingga 14 April ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"FAMA diperuntukkan untuk membuka 63 lokasi outlet di seluruh negara iaitu 10 pasar tani terpilih, 33 pasar tani kekal, 17 pusat operasi FAMA dan tiga MyFarm Outlet.

"LPP turut menyediakan 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama dengan semua 97 lokasi ini akan dilenankan semula sebagai PST," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Pada masa sama, bagi fasa per-



Pasar Besar Terkawal menjual barangan segar seperti sayur, ayam dan barangan runcit lain

(Foto hiasan)

tama pelaksanaan PST, sebanyak 37 outlet FAMA di seluruh negara sudah beroperasi sejak kelmarin membolehkan 17 pusat operasi FAMA, 17 pasar tani kekal dan tiga buah MyFarm Outlet.

Selain itu, katanya, 17 buah KPPK yang diselia oleh LPP turut beroperasi membolehkan jumlah keseluruhan beroperasi sebanyak 54.

"Bagi fasa kedua, sebanyak 10 pasar tani terpilih dan 16 pasar tani kekal akan beroperasi. Pasar tani terpilih akan beroperasi sebanyak dua kali seminggu dari jam 8 atau 8.30 pagi hingga 11 pagi atau 12 tengah hari.

"Pasar tani kekal, MyFarm Outlet dan pusat operasi FAMA akan dibuka seawal 8 atau 8.30 pagi hingga 12 tengah hari atau 4 petang setiap hari," katanya.

Selain itu, FAMA turut memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang berkesan di sepanjang tempoh PKP dengan memperkenankan lagi konsep jualan secara atas talian melalui portal Agrobazaar *online* dan *offline* me-

lalui rangkaian outlet pemasaran terpilih.

Katanya, pelanggan digalakkan untuk melayari portal www.agrobazaar.com.my untuk membuat pesanan awal atau menggunakan aplikasi 'WhatsApp' secara pra-pesanan dan membuat bayaran terus secara atas talian bagi memudahkan urusan pengambilan dan urusan pandu lalu di outlet pemasaran terpilih.

"Hal ini bagi menjaga penjagaan sosial yang dinasihatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

"Jarak sosial di antara gerai yang berniaga akan dilakukan sementara pintu masuk dan keluar akan dikawal selia oleh pihak berkuasa.

"Pengguna juga dinasihatkan untuk membuat bayaran secara dalam talian dan tanpa tunai samada melalui pembayaran QR Pay dan e-wallet supaya dapat mengurangkan penularan wabak COVID-19 melalui wang kertas," katanya.

Katanya, setiap outlet pemasaran FAMA ditetapkan untuk me-

ngikuti SOP yang digariskan bagi pengunjung yang ingin mendapatkan bekalan makanan semasa tempoh PKP iaitu kenderaan diletakkan di kawasan khusus, pengunjung beratur dengan jarak satu meter dan melepas saringan suhu.

Selain itu, katanya pengunjung harus menggunakan pembasmi kuman yang disediakan semasa masuk dan keluar serta masa dibenarkan membuat pembelian selama 10 hingga 20 minit sahaja.

"Bagi pengguna yang membuat pembelian secara pandu lalu, antara SOP yang perlu dipatuhi ialah kenderaan memasuki kawasan perniagaan, borang tempohan diserahkan kepada pengguna sebelum diserahkan kepada petugas dan menunggu di kawasan disediakan.

"Bagi pengguna yang membuat pra-pesanan melalui portal Agrobazaar Online atau media sosial, SOP yang perlu dipatuhi oleh pengguna antaranya pesanan dibuat melalui platform media sosial, pesanan dibuka dari pukul 8 pagi hingga 4 petang, penghantaran dibuat pada hari berikutnya

dengan bayaran melalui dalam talian atau tunai," katanya.

Sementara itu di Ayer Keroh, sebanyak 30 lagi pusat jualan barangan segar terkawal akan dibuka secara berperingkat di seluruh negara bagi membolehkan masyarakat mendapatkan keperluan harian dengan harga berpatutan sepanjang tempoh PKP.

Tindakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hanzah, berkata selinggah kini, kerajaan menerusi FAMA sudah membuka 47 pusat jualan berkenaan di beberapa negeri bagi mengurangkan kesesakan di pasar basah sedia ada.

Bellau berkata, langkah itu juga sebagai satu daripada usaha kerajaan untuk membantu rakyat mendapatkan barang makanan segar dan bermutu.

"Setakat ini kita sudah mewujudkan sebanyak 47 pasar segar terkawal di seluruh negara termasuk Melaka dan kita harap masyarakat jangan berpusing-pusing kerana barangan makanan memang mencukupi.

"Kita juga mahukan hasil pertanian, penternakan dan nelayan dipasarkan segar selain melalui rangkaian pemasaran tidak ada gangguan serta dapat menasarkannya yang terbaik untuk rakyat," katanya.

Di Alor Gajah, pasar tani khas arahan FAMA Daerah Alor Gajah juga memudahkan pengguna mendapatkan bahan makanan berikhtisar penutupan operasi pasar awam sejak seminggu lalu.

Pegawai FAMA Daerah Alor Gajah, Norsafrihan Noor Mohamad, berkata selain ikan, daging dan ayam, pasar tani berkenaan turut menyediakan barangan runcit untuk memudahkan orang ramai memperoleh bahan makanan dan masakan.

Headline	97 lokasi Pasar Segar di Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 9,392
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,176



97 lokasi Pasar Segar di Malaysia

Pastikan kelangsungan bekalan makanan sepanjang PKP

Oleh HASNIZA HUSSAIN


SHAH ALAM

Sebanyak 97 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) dibuka di seluruh Malaysia sejak kelmarin bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepatkan pengedaran bekalan makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa kedua.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan berkata, konsep jualan dan pengedaran PST tersebut dibuat di cawangan peruncitan terpilih secara berperingkat.

Menurutnya, pengoperasian PST melibatkan sebanyak 63 lokasi cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Malaysia iaitu 10 Pasar Tani Terpilih, 33 Pasar Tani Kekal, 17 Pusat Operasi FAMA dan tiga MyFarm Outlet.

Katanya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) turut



Sebanyak 97 Pasar Segar Terkawal dibuka di seluruh negara bagi tempoh PKP sahingga 14 April ini.

menyediakan sejumlah 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama.

"Keseluruhan 97 lokasi itu akan melibatkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani.

"Kesemua outlet itu dijana semula sebagai PST dan

bagi fasa pertama pelaksanaan PST, sebanyak 37 outlet FAMA di seluruh Malaysia dan 17 buah KPPK diselaja oleh LPP beroperasi sejak semalam (kelmarin), manakala dalam fasa kedua, sebanyak 10 Pasar Tani Terpilih dan 16 Pasar Tani Kekal akan beroperasi," katanya.

Menurut kenyataan itu, FAMA memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang ber-

kesan di sepanjang tempoh PKP dengan memperkemas lagi konsep jualan secara online iaitu Agrobazaar Online dan offline melalui rangkaian cawangan pemasaran terpilih.

Katanya, pelanggan digalakan melayari portal www.agrobazaar.com.my untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara prapesanan dan bayaran terus secara online bagi memu-

dahkan urusan pengambilan di pick-up point dan urusan pandu lalu di cawangan terpilih.

"Ia bertujuan menjaga penjarakan sosial seperti dinasihatkan pihak Kementerian Kesihatan bagi mencegah penularan wabak koronavirus (Covid-19).

"Jarak sosial di antara gerai-gerai yang berniaga akan dilakukan sementara pintu masuk dan keluar dikawal pihak berkuasa.

"Para pengguna dinasihatkan untuk membuat bayaran secara online dan tanpa tunai sama ada melalui pembayaran QR Pay dan E-wallet supaya membendung penularan wabak itu melalui wang kertas," katanya.

Setiap cawangan pemasaran FAMA ditetapkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Bagi pengguna yang membuat prapesanan melalui portal Agrobazaar Online atau media sosial, SOP yang perlu dipatuhi ialah pesanan melalui platform media sosial bermula jam 8 pagi hingga 4 petang dan penghantaran akan dibuat pada hari berikutnya melalui kaedah *dropship* atau *self pick up* dan bayaran melalui talian atau secara *cash of delivery (COD)*," katanya.

Headline	97 pasar segar terkawal beroperasi sehingga 14 April		
MediaTitle	Edisi Viral (http://www.edisiviral.com/)		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

97 pasar segar terkawal beroperasi sehingga 14 April

KUALA LUMPUR, 3 April Sebanyak 97 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) akan beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepat pengedaran makanan negara. Kementerian Pertanian dan Ind...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Ensure sufficient of fresh food		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A10	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,243
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,730



沙慕丁哈山（右）向阿末韩查讲解新鲜农贸管制市集的运作，左为诺依占。

全国47农贸管制市集 确保新鲜食材充足

马六甲3日讯 | 大马农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，政府在行动管制令期间，通过联邦农业销售局（FAMA）推动新鲜农贸管制市集（Pasar Segar Terkawal），以确保粮食供应充足。

他说，目前全国包括甲州在内，已有47个新鲜农贸管制市集，从昨日起至本月5日试跑，若获得不俗回响，不排除在新地点增设管制市集，为民众提供新鲜食材。

「透过新鲜农贸管制市集能确保新鲜物品以合理的价格提供给消费者，同时也确保蔬果农、畜牧者及渔夫的产品有地方出售。」

他是今早巡视位于爱极乐工业区的甲州新鲜农贸管制市集后，如是表示。

不必惊慌抢购

在场者包括甲州农业、农基工业、企业发展及合作社事务行政议员拿督诺依占、联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁及甲州联邦农业销售局局长沙慕丁哈山。

他说，民众在进入管制市集

前必须接受体温检测，而市集摊位之间距离为3公尺，民众排队付钱时需保持一公尺的安全社交距离。

「民众不用担心，也不必惊慌抢购，因市场上的粮食供应充足。我们会继续确保粮食供应链不受影响，并努力让所有民众皆可购买到新鲜食物及其他生活用品。」

阿末韩查说，该部门正与其他执法单位紧密合作，确保食物供应商的运输粮食罗里不受影响，可如常载送日常用品。

询及是否有发生蔬果滞销问题时，他否认此事。「金马仑高原的事情属个别案例，我们已经解决问题，现在一切如常。」

他表示，当局希望协助农民、渔夫、畜牧业者，把他们辛勤劳作的农产品第一时间销售，让民众可购买到新鲜食材。

爱极乐工业区的新鲜农贸管制市集营业时间为周一至周五，早上8时30分到下午4时，周末则是早上9时到下午1时。

民众也可以到万里望及马丹那的联邦农业销售局采购新鲜蔬果，营业时间为周三及周五早上8时30分至中午12时。

© M K

Headline	Ensure sufficient supply with controlled fresh market outlets in 47 locations across country		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	04 Apr 2020	Color	Black/white
Section	West Malaysia	Circulation	63,549
Page No	4	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,043
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,128



全國47農貿管制市集 確保新鮮食材充足

马六甲3日讯 | 大马农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，政府在行动管制令期间，通过联邦农业销售局（FAMA）推动新鲜农贸管制市集（Pasar Segar Terkawal），以确保粮食供应充足。

他说，目前全国包括甲州在内，已有47个新鲜农贸管制市集，从昨日起至本月5日试跑，若获得不俗回响，不排除在新地点增设管制市集，为民众提供新鲜食材。

「透过新鲜农贸管制市集能确保新鲜物品以合理的价格提供给消费者，同时也确保蔬果农、畜牧者及渔夫的产品有地方出售。」

他是今早巡视位于爱极乐工业区的甲州新鲜农贸管制市集后，如是表示。

不必驚慌搶購

在场者包括甲州农业、农基工业、企业发展及合作社事务行政议员拿督诺依占、联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁及甲州联邦农业销售局局长沙慕丁哈山。他说，民众在进入管制市集前必须接受体温检测，而市集摊位之间距离为3公尺，民众排队付钱时需保持一公尺的安全社交距离。

「民众不用担心，也不必惊



沙慕丁哈山（右）向阿末韩查讲解新鲜农贸管制市集的运作，左为诺依占。

慌抢购，因市场上的粮食供应充足。我们会继续确保粮食供应链不受影响，并努力让所有民众皆可购买到新鲜食物及其他生活用品。」阿末韩查说，该部门正与其他执法单位紧密合作，确保食物供应商的运输粮食罗里不受影响，可如常载送日常用品。

询及是否有发生蔬果滞销问题时，他否认此事。「金马仑高原的事情属个别案例，我们已经解决问题，现在一切如常。」

他表示，当局希望协助农民、渔夫、畜牧业者，把他们辛勤劳作的农产品第一时间销售，让民众可购买到新鲜食材。

爱极乐工业区的新鲜农贸管制市集营业时间为周一至周五，早上8时30分到下午4时，周末则是早上9时到下午1时。

民众也可以到万里望及马日丹那的联邦农业销售局采购新鲜蔬果，营业时间为周三及周五早上8时30分至中午12时。

Headline	Ahmad Hamzah: Do not panic as food supplies sufficient		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,529
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,587



沙慕丁(右)。
 ■阿末韩查(右2)了解受管制鲜货销售中心所

准運送羅厘走特別通道 阿末韓查：糧食足勿慌

(马六甲3日讯)农业与食品业部第一副部长拿督斯里阿末韩查强调，国内粮食供应充足，民众无需恐慌而进行抢购。

他说，为确保粮食供应链不中断，该部将保农民与养殖业者生产的食粮能够迅速传递到市场，该部已获得行动管制令执法人员的配合，让运送粮食的罗厘等交通工具，能使用为前线人员所设的特别通道。

他指出，除了提升农民市集

及早市，联邦农业销售局在全国已设立47个受管制鲜货销售中心，确保食物供应充足。

“这些农产品都是从农民直接取货，并以更公道的价格出售。”

阿末韩查今早巡视爱极乐工业区的联邦农业销售局受管制鲜货销售中心后，在记者会上如是指出。

询及是否有农产品因无法及时销售而需销毁，阿末韩查说，当局会确保农产品能及时

供应市场，之前在金马仑销毁蔬菜的情况只属个案。

另外，他说，受管制鲜货销售中心会确保所有人在进入前测体温，同时保持安全社交距离，每个摊位也会拉开安全距离。

甲州设有5个受管制鲜货销售中心，除了爱极乐工业区的联邦农业销售局每日开放，其他地点分别在万里望(2个)、马日丹那及武吉卡迪。

陪同巡视者包括联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁、甲州主任查沙慕丁、甲州农业、农基工业、企业发展及合作社委员会主席拿督诺依占。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Pemborong bimbang harga beras import naik



Presiden Persatuan Pemborong Beras Malaysia, Ng Chee Len menyoarakan kebimbangan mengenai kemungkinan harga beras yang diimport akan naik tidak lama lagi.

Beberapa faktor yang boleh menyebabkan kenaikan harga, termasuklah pembelian panik dan larangan eksport yang berterusan serta kemarau di Thailand dan Vietnam yang menjejaskan pengeluaran beras, lapor *Nikkei Asian Review*.

Bercakap kepada *Malaysiakini*, Ng mempersoalkan sekiranya Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selaku pengimport tunggal beras negara menyimpan beras yang mencukupi ketika tercetusnya wabak Covid-19 pada Januari lalu.

"Sebagai entiti perniagaan, Bernas perlu membeli beras tambahan apabila wabak koronavirus tercetus bermula awal tahun ini. Seorang usahawan yang berpandangan jauh harus dapat membuat persiapan awal," katanya.

"Beras adalah makanan ruji yang boleh disimpan dengan mudah selama enam bulan," katanya.

Beliau berkata jika Bernas mempunyai stok beras import yang mencukupi, orang ramai tidak perlu membayar lebih untuk harga beras yang mahal.

"Masalahnya ialah kita tidak tahu berapa banyak stok beras yang diimport oleh Bernas," kata Ng, yang terlibat dalam industri pemborongan beras selama lebih setengah abad.

"Bernas tidak pernah mendedahkan maklumat stok beras yang diimport, tetapi kami merasakan beras import hanya berada di bawah 100,000 tan setiap tahun.

"Mereka harus telus mengenai maklumat itu," katanya.



Ng berkata sudah tiba masanya kerajaan membuka import beras kepada peniaga lain untuk memastikan permintaan beras import negara dipenuhi.

Selain persatuan pemborong, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) juga mempersoalkan sama ada Malaysia mempunyai stok beras yang cukup ketika perintah kawalan pergerakan (PKP).

Presiden PPBMM Mohamad Termizi Yop berkata mereka tidak tahu di mana stok beras tersebut disimpan walaupun menteri kabinet mengatakan bekalan mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik.

"Wakil kami bertemu Unit Pengawasan Industri Beras dan Padi, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mendapatkan penjelasan lanjut," katanya dipetik *The Malaysian Insight* pada Isnin.

"Bagaimanapun, kami berasa kecewa kerana unit pengawasan itu tidak mempunyai maklumat mengenai stok beras," katanya sambil menambah ahli PPBMM sendiri gagal memberi beras dari Bernas kerana agensi berkenaan enggan memberikan kerjasama.

Katanya ahli PPBMM hanya ingin mengedarkan stok beras kepada pemborong dan pengilang bagi memastikan bekalan yang mencukupi untuk semua lokasi.

Ketika dihubungi, pegawai perhubungan awam Bernas meminta *Malaysiakini* mengajukan soalan tersebut kepada kementerian pertanian dan industri makanan.

Malaysiakini telah cuba menghubungi kementerian berkenaan untuk mendapatkan maklum balas.

Pada 27 Mac, *Reuters* memetik data kementerian itu dengan melaporkan bahawa Malaysia mempunyai stok beras berjumlah 500,000 tan dan hanya cukup untuk bertahan selama dua bulan setengah.

"Bernas bertindak awal untuk menyelamatkan kontrak eksport beras sehingga Mei 2020 dari Vietnam walaupun harganya tinggi.

"Langkah seterusnya ialah membeli beras dari negara lain termasuk Pakistan, India, Myanmar dan Thailand," katanya.

Perkara itu disangkal oleh menterinya, Ronald Kiandee yang mengatakan stok beras tempatan di kilang-kilang, pemborong dan kedai runcit adalah sekitar 523,000 tan.

Ini tidak termasuk stok pengeluaran beras tempatan dan beras import yang ada di negara ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan pengeluaran stok beras tempatan dan stok beras import.

Pada 2016, negara menggunakan 2.7 juta metrik tan beras atau secara purata rakyat Malaysia makan 80kg beras, menurut satu kajian mengenai status beras dan padi yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah pada April 2019.

Bernas mengimport 30 hingga 40 peratus beras bagi menampung permintaan domestik setiap tahun.

Pada Jun 2018, kerajaan Pakatan Harapan (PH) berkata ia merancang untuk menamatkan monopoli import Bernas yang akan tamat pada tahun 2021.

Headline	Kembong thriving up north		
MediaTitle	The Star (Metro South and East)		
Date	04 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,900
Page No	5	Readership	59,700
Language	English	ArticleSize	778 cm ²
Journalist	LO TERN CHERN	AdValue	RM 10,918
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,754



Rosli (second left) and his crew members untying the fish from the net at the Whispering Fish Market jetty. - Photos: ZHAFARAN NASIB/The Star

Kembong thriving up north

Fishermen bag huge haul thanks to marine phenomenon

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

INDIAN mackerel are enjoying a feast in the northern end of the Straits of Malacca, thanks to a marine phenomenon causing a super concentration of phytoplankton and zooplankton to bloom.

Hundreds of thousands of tonnes of the fish, locally known as kembong, are forming huge schools and swimming around all day to enjoy their feast of planktonic life.

In a statement, the Fisheries Department said satellite images showed that since last December, chlorophyll concentrations about five nautical miles off Perlis, Kedah and Penang had been exceedingly high, indicating that the sea now has a delicious plankton soup for kembong.

"The chlorophyll concentration will begin dropping after March when the monsoon starts," said the Fisheries Department, adding that the phenomenon is happening all the way to India.

Before the movement control order began, there was a frenzied buying of kembong in many fishing villages in Kedah.

Fishermen caught so many kembong that they sold them for just RM1 per kg.

The Star sent a team in the middle of March to inspect the buying craze and found a fisherman giving his kembong away for free.

Fisherman Rosli Yunus, 50, was seen at the Whispering Fish Market in Kuala Muda, Seberang Prai, with a big haul of about 300kg of kembong.

He had just returned from Pulau Sanyk, less than 1km from the southern Kedah coastline.



Marketgoers at the beach getting fresh mackerel. This event was before the movement control order was enforced.



Lorry driver Zulaini Zainal Abidin, 52, (centre) bringing home the bags of fishes he bought at Whispering Fish Market jetty.



This basket of fish is all mine, claims a feline 'customer'.

Rosli said he deployed his gill net just once during his trip to catch the 300kg of kembong.

"Today is Friday so I'm just selling the fish. I'm just giving. Come, bring a bag and take some," Rosli called out to the crowd at the market which has a unique

practice where prospective buyers whisper their bids to fishermen, thus keeping the transactions confidential.

Dozens of other fishermen at the Whispering Fish Market also came back laden with kembong and were letting them go for just RM1

per kg.

Off season, kembong can be priced at above RM20 per kg in wet markets.

It is sweet and has a fine flesh texture.

The fish also is essential for making Penang's *asam laksa* soup.